



SIARAN MEDIA

PROGRAM SINGGAH SAHUR MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2024

Mengambil keberkatan bulan Ramadan, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengedarkan sejumlah 300 pek juadah sahur kepada petugas barisan hadapan agensi kerajaan di sekitar Daerah Gombak pada awal pagi tadi. Konvoi yang diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi dan disertai oleh seramai 15 orang kakitangan MPS ini memulakan edaran sumbangan seawal pukul 12.00 pagi.

Antara agensi kerajaan yang menerima sumbangan ini adalah Unit Kecemasan Hospital Selayang, Unit Kecemasan Hospital Sg. Buloh, Balai Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Balai Bomba Dan Penyelamat Rawang, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Balai Polis Rawang. Selain daripada berkongsi rezeki pek juadah bersahur, kunjungan ini juga turut menyampaikan sumbangan kurma dan hamper kepada setiap agensi yang disantuni.

Program yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh MPS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat yang berkolaborasi bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK), Anulae cawangan Selayang dan AKRAB MPS.

MPS berharap dengan penganjuran program ini sedikit sebanyak dapat mengeratkan lagi silaturahim antara MPS bersama agensi dan secara tidak langsung dapat menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang banyak berjasa menyumbang kepada negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Timbalan Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
3 April 2024